

22 JUN 2002

Umno-Perhimpunan (Rangkuman)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERAKHIR PENUH DRAMATIK

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 2002 berakhir malam ini dengan sokongan padu kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersetuju menerima rayuan mereka agar menarik balik hasratnya untuk meletakkan jawatan.

Dr Mahathir memeranjatkan para perwakilan apabila membuat pengumuman mengejut itu semasa menggulung perbahasan pada hari ketiga dan terakhir perhimpunan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kira-kira sejam kemudian mengumumkan bahawa Dr Mahathir bersetuju untuk menarik balik peletakan jawatannya.

Selepas tiga hari bersidang, perhimpunan itu meluluskan usul ucapan dasar presiden, pendidikan, agama dan sosial.

Walaupun Perdana Menteri menyatakan kekecewaannya atas kegagalan beliau memajukan sepenuhnya orang Melayu dalam ucapan presiden yang bertemakan "Mendedah Yang Terbuka" pada hari Khamis, para anggota Majlis Tertinggi (MT), perwakilan dan ribuan anggota parti langsung tidak menjangka pengumuman Dr Mahathir hari ini.

Perhimpunan itu dihadiri 2,033 anggota perwakilan.

Para perwakilan memperakui hasrat pemimpin untuk melihat perubahan sikap orang Melayu dalam pelbagai aspek untuk bersaing dengan bangsa lain dalam era globalisasi.

Usul pendidikan mendapat perhatian terutama mengenai keputusan kerajaan supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris di semua peringkat mulai tahun depan.

Semasa penggulungan, anggota MT yang juga Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed memberi jaminan ia akan dilaksanakan secara teliti dan teratur.

Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan khusus bagi tujuan itu terutama bagi meningkatkan keupayaan guru dan murid-murid untuk mengajar dan belajar dua mata pelajaran berkenaan.

Perwakilan ke perhimpunan tahunan parti itu sebulat suara menyokong keputusan kerajaan supaya Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris tetapi mahu pelaksanaannya diperhalusi agar tidak merugikan pelajar Melayu terutama di luar bandar.

Usul agama dan sosial juga tidak kurang hebat dibahaskan dengan para perwakilan merakamkan kebimbangan terhadap kesan buruk rang undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu terhadap masyarakat dan imej Islam.

Para perwakilan menganggap langkah kerajaan PAS Terengganu mahu meluluskan rang undang-undang itu bermotifkan politik, malahan wakil Kelantan mendesak kerajaan segera mengharamkan parti itu sebelum ia membawa lebih banyak kerosakan kepada Islam.

Dalam perbahasan menyokong usul agama dan sosial, anggota perwakilan yang berbahas rata-rata menegaskan Umno tidak pernah menolak hukum hudud yang mengikut ajaran sebenar Islam, tetapi menolak hudud ala PAS.

Semasa menggulung usul agama dan sosial, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman menyanjung tinggi Dr Mahathir dan menganggap beliau orang yang paling "soleh" di Malaysia kerana memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Beliau berkata Al Quran menyebut bahawa orang soleh itu ialah orang yang menjaga kepentingan di atas muka bumi ini dan perkataan soleh dalam

bahasa Arab ialah orang yang berguna untuk orang lain.

Perhimpunan tahun ini juga menyaksikan "kelahiran" Puteri Umno bagi mengukuhkan kedudukan parti untuk menarik penyertaan wanita muda dan profesional Melayu bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

-- BERNAMA

NH BD AZZ MOZ